

Praktis Kendiri 9.2a

Tentukan sama ada peristiwa-peristiwa berikut ialah peristiwa bersandar atau peristiwa tak bersandar.

1. Jarum putaran roda bertuah berhenti pada sektor yang sama dua kali berturut-turut.
2. Pilihan dua orang murid lelaki daripada sekumpulan murid yang terdiri daripada sepuluh orang murid perempuan dan empat belas orang murid lelaki secara rawak.
3. Menjawab tiga soalan objektif yang mempunyai empat pilihan jawapan masing-masing dengan betul sekiranya jawapan setiap soalan dipilih secara rawak.
4. Kotak P mengandungi dua keping kad berwarna merah dan tiga keping kad yang berwarna hitam manakala kotak Q mengandungi lima keping kad berwarna merah dan enam keping kad berwarna hijau. Sekeping kad dipilih secara rawak dari kotak P dan kemudian dimasukkan ke dalam kotak Q. Selepas itu, sekeping kad dipilih secara rawak dari kotak Q. Kedua-dua kad yang dipilih dari kotak P dan kotak Q berwarna sama.
5. Vincent dan Bajat menduduki ujian Sejarah di sekolah. Vincent dan Bajat lulus dalam ujian Sejarah.